



**KETUA SETIAUSAHA**  
**SECRETARY GENERAL**  
**Kementerian Pendidikan Malaysia**  
**Ministry of Education Malaysia**  
Aras 8, Blok E8  
Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6072  
Faks: 03-8888 5124  
Laman Web: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami: KPMSP-800-4/1/5 Jld. 4 ( 57 )  
Tarikh : 25 Februari 2016

Pengarah Bahagian Pendidikan Islam  
Pengarah Bahagian Pendidikan Swasta  
Semua Yang Di Pertua Majlis Agama Islam Negeri  
Semua Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri  
Pengarah Yayasan Islam Kelantan

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN MENGENAI PELAKSANAAN BANTUAN KHAS  
AWAL PERSEKOLAHAN 1MALAYSIA BAGI TAHUN 2016**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sebagaimana YBhg. Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia (BKAP1M) kepada murid akan diteruskan pelaksanaannya pada tahun 2016. Pemberian bantuan ini bertujuan meringankan beban perbelanjaan persekolahan pada awal tahun yang ditanggung oleh ibu bapa/penjaga murid.

3. Sehubungan itu, pelaksanaan program ini bagi tahun 2016 akan diteruskan seperti butiran berikut:

BIL.	PERKARA	BUTIRAN
a.	Syarat kelayakan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid warganegara Malaysia;</li> <li>• Bagi murid bukan warganegara, salah seorang ibu/bapa/penjaga mestilah warganegara Malaysia;</li> <li>• Bersekolah di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan; dan</li> <li>• Murid Tahun 1 hingga Tingkatan 5 atau setaraf dengannya bagi sesi persekolahan tahun 2016 di kalangan isi rumah berpendapatan bulanan kasar sebanyak RM3,000.00 dan ke bawah.</li> </ul>
b.	Kadar bantuan	RM100 bagi setiap murid.
c.	Tarikh mula bayaran	Pembayaran akan dilaksanakan secara berperingkat mulai <b>26 Februari 2016</b> .
d.	Kaedah penyaluran bayaran	Menyalurkan terus bantuan ke akaun sekolah/trustee/tunggal/syarikat.
e.	Kurang peruntukan	Pihak sekolah perlu mengemukakan permohonan peruntukan tambahan berserta penyata bank sekolah dengan jumlah peruntukan yang diperlukan kepada Bahagian Kewangan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Sektor Pendidikan Islam/Sektor Pendidikan Swasta, JPN/JAIN/MAIN/YIK dengan kadar segera.
f.	Tarikh pemulangan lebih peruntukan	Selewat-lewatnya pada <b>15 April 2016</b>
g.	Pemotongan bantuan	Sebarang pemotongan <b>tidak dibenarkan</b> .



4. Bersama-sama ini, disertakan **Garis Panduan Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia Kepada Murid Di Sekolah Agama Negeri (SAN), Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Swasta (Persendirian)** untuk rujukan dan perhatian YBhg. Dato'/Tuan/Puan. Garis Panduan ini juga boleh dimuat turun di laman sesawang Kementerian Pendidikan Malaysia ([www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)).

5. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh diajukan kepada pegawai berikut:

i) **Puan Wan Ummul Fathanah binti Wan Mohd Noor**  
**No. Telefon: 03-88847627**

ii) **Puan Zarina @ Hasnani binti Hanifah**  
**No. Telefon: 03-88847633/7089**

6. Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.:

KPPM

TKSU (Pengurusan)

TKSU (Pembangunan Pelajaran)

TKPPM (Sektor Pembangunan Profesionalisme (Keguruan)


TKPPM (Sektor Operasi Pendidikan)

TKPPM (Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan)

SUSK YB Menteri Pendidikan

SUSK YB Timbalan Menteri Pendidikan I

SUSK YB Timbalan Menteri Pendidikan II



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

---

**GARIS PANDUAN  
BANTUAN KHAS AWAL PERSEKOLAHAN 1MALAYSIA  
KEPADA MURID DI SEKOLAH AGAMA NEGERI (SAN),  
SEKOLAH AGAMA RAKYAT (SAR) DAN SEKOLAH SWASTA  
(PERSENDIRIAN)**

---

# **GARIS PANDUAN BANTUAN KHAS AWAL PERSEKOLAHAN 1MALAYSIA KEPADA MURID DI SEKOLAH AGAMA NEGERI (SAN), SEKOLAH AGAMA RAKYAT (SAR) DAN SEKOLAH SWASTA (PERSENDIRIAN)**

---

## **1. PENDAHULUAN**

Pada 23 Oktober 2015, Kerajaan Malaysia telah meluluskan pemberian Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia (BKAP1M) sebanyak RM100 seorang kepada murid Tahun 1 hingga Tingkatan 5 di kalangan isi rumah berpendapatan RM3,000.00 dan ke bawah semasa pembentangan Bajet Tahun 2016.

## **2. OBJEKTIF**

BKAP1M bertujuan meringankan beban perbelanjaan persekolahan pada awal tahun yang ditanggung oleh ibu bapa atau penjaga murid.

## **3. KRITERIA KELAYAKAN**

- 3.1 Murid warganegara Malaysia;
- 3.2 Bagi murid bukan warganegara salah seorang ibu/bapa/penjaga mestilah warganegara Malaysia;
- 3.3 Murid Tahun 1 hingga Tingkatan 5 atau setaraf dengannya di kalangan isi rumah berpendapatan bulanan kasar sebanyak RM3,000.00 dan ke bawah; dan
- 3.4 Bersekolah di Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Agama Negeri (SAN) dan Sekolah Swasta (tidak termasuk

Sekolah-Sekolah Antarabangsa/ Ekspatriat) yang berdaftar dengan Kerajaan.

**4. TEMPOH PELAKSANAAN**

Sesi persekolahan tahun 2016.

**5. KADAR**

RM100.00 bagi setiap murid.

**6. AGIHAN BANTUAN**

Bantuan akan disalurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ke akaun sekolah/ trustee/ tunggal/ syarikat secara berperingkat mulai **26 Februari tahun semasa**.

**7. TANGGUNGJAWAB**

**7.1 Bahagian Kewangan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**

- a) Mengeluarkan Surat Siaran dan Garis Panduan Pelaksanaan Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia;
- b) Menyalurkan bantuan ke akaun sekolah/ trustee/ tunggal/ syarikat sekolah-sekolah berkenaan; dan
- c) Memantau pelaksanaan pembayaran bantuan mengikut prosedur dan peraturan kewangan yang ditetapkan.

## 7.2 Bahagian Pendidikan Islam (BPI) dan Bahagian Pendidikan Swasta (BPS)

- a) Menyelaras data maklumat sekolah dan bilangan murid daripada Sektor Pendidikan Islam/Sektor Pendidikan Swasta, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)/ Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN)/ Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)/ Yayasan Islam Kelantan (YIK) untuk dikemukakan kepada KPM **selewat-lewatnya 31 Januari tahun semasa**; dan
- b) Menyelaras rumusan agihan Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia daripada JPN/ JAIN/ MAIN/ YIK untuk dikemukakan kepada Bahagian Kewangan KPM **selewat-lewatnya pada 15 April tahun semasa**.

## 7.3 Sektor Pendidikan Islam/ Sektor Pendidikan Swasta, Jabatan Pendidikan Negeri/ Jabatan Agama Islam Negeri/ Majlis Agama Islam Negeri/ Yayasan Islam Kelantan

- a) Memaklumkan kepada semua sekolah yang layak mengenai pelaksanaan bantuan ini termasuk mengedarkan Surat Siaran dan Garis Panduan;
- b) Mengesahkan data maklumat sekolah dan murid yang diterima daripada sekolah beserta salinan penyata akaun sekolah dan mengemukakan kepada BPI/ BPS **selewat-lewatnya pada 22 Januari tahun semasa** seperti format di **LAMPIRAN 1**

- c) Memantau pelaksanaan pembayaran bantuan mengikut prosedur dan peraturan kewangan yang ditetapkan;
- d) Melaporkan rumusan agihan Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia kepada BPI/ BPS **selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun semasa** seperti format di **LAMPIRAN 2**;

#### 7.4 Sekolah

- a) Mengenalpasti murid yang layak menerima bantuan sebagaimana kriteria di Perkara 3 dan mengemukakan kepada JPN/ JAIN/ MAIN/ YIK seperti format di **LAMPIRAN 3**;
- b) Mengeluarkan Resit Rasmi Pejabat apabila peruntukan telah sah dimasukkan ke akaun sekolah/ trustee/ tunggal/ syarikat. Resit hendaklah dikeluarkan atas nama **Setiausaha Bahagian Kewangan, Kementerian Pendidikan Malaysia** dan dikemukakan ke Bahagian Kewangan KPM;
- c) Mengeluarkan wang bantuan daripada bank dan mengagihkan secara tunai kepada ibu bapa/ penjaga/ murid dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh bantuan diterima ;
- d) Sebarang **perubahan nombor akaun bank sekolah atau bank** hendaklah dimaklumkan dengan segera dengan mengemukakan **salinan slip buku akaun/ salinan slip deposit bank** kepada JPN/ JAIN/ MAIN/ YIK berkenaan;

- e) Pengagihan bantuan selain daripada wang tunai adalah **TIDAK DIBENARKAN**;
- f) Sekolah hendaklah mengagih bantuan secara tunai RM100.00 sepenuhnya. Sebarang pemotongan **TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI**;
- g) Memastikan ibu/ bapa/ penjaga **mengemukakan dokumen pengesahan pendapatan** (contohnya: slip gaji terkini/ penyata cukai pendapatan terkini/ penyata bank bagi 3 bulan terkini. Sekiranya ibu/bapa/penjaga tidak dapat mengemukakan dokumen pengesahan pendapatan tersebut, ibu/ bapa/ penjaga perlu melengkapkan borang pengesahan pendapatan seperti di **LAMPIRAN 4**). Sekolah boleh menangguhkan agihan bantuan sekiranya ibu/ bapa/ penjaga tersebut gagal mengemukakan dokumen berkenaan;
- h) Memastikan ibu/ bapa/ penjaga menandatangani Senarai Akuan Penerimaan/ Penolakan Bantuan dengan disaksikan oleh dua (2) orang guru seperti di **LAMPIRAN 5**; dan
- i) Menghantar Akuan Penerimaan/ Penolakan Bantuan kepada JPN/ JAIN/ MAIN/ YIK **selewat-lewatnya pada 25 Mac tahun semasa**.

## 8. TATACARA PENGELUARAN WANG TUNAI

Tatacara pengeluaran wang tunai daripada bank oleh pihak sekolah **mestilah selamat dan mematuhi peraturan kewangan semasa**. Pihak sekolah hendaklah mematuhi kaedah pengeluaran wang tunai seperti berikut :

- 8.1 Pengeluaran wang tunai sehingga RM10,000.00 oleh Pengetua/ Guru Besar hendaklah diiringi dua (2) orang guru; atau
- 8.2 Bagi pengeluaran wang tunai melebihi RM10,000.00, Pengetua/Guru Besar adalah dinasihatkan mengambil langkah keselamatan tambahan seperti mendapatkan perkhidmatan eskot polis jika perlu.

## 9. MURID BERPINDAH SEKOLAH

- 9.1 Sekolah yang telah mengagihkan bantuan kepada murid yang akan berpindah sekolah, perlu mengecop '**TELAH BAYAR BANTUAN KHAS AWAL PERSEKOLAHAN 1MALAYSIA**' pada Borang Perpindahan Sekolah murid berkenaan. Ini bagi mengelakkan pertindihan agihan bantuan di sekolah baharu; atau
- 9.2 Murid yang telah berpindah sekolah dan belum menerima bantuan, hendaklah menuntut bantuan ini di sekolah baharu.

## 10. KEKURANGAN DAN LEBIHAN PERUNTUKAN

### 10.1 Kekurangan Peruntukan

- a) Bagi memastikan tidak ada murid yang tercicir daripada menerima bantuan ini, **pihak sekolah diminta mendahulukan peruntukan sedia ada atau lain-lain peruntukan sekiranya peruntukan asal tidak mencukupi**; dan
- b) Pihak sekolah hendaklah mengemukakan permohonan peruntukan tambahan kepada Bahagian Kewangan, KPM melalui Sektor Pendidikan Islam/ Sektor Pendidikan Swasta, JPN/ JAIN/ MAIN/ YIK bersama Senarai Akuan Penerimaan/ Penolakan Bantuan. Tarikh akhir untuk Sektor Pendidikan Islam/ Sektor Pendidikan Swasta, JPN/ JAIN/ MAIN/ YIK kemukakan kepada KPM adalah pada **30 April tahun semasa**.

### 10.2 Lebih Peruntukan

Pengetua/Guru Besar dikehendaki mengembalikan lebih peruntukan kepada **Bahagian Kewangan, KPM** melalui cek atas nama “**Ketua Akauntan, Kementerian Pendidikan Malaysia**” **selewat-lewatnya pada 30 April tahun semasa**.

## 11. PENUTUP

- 11.1 Sekolah hendaklah mematuhi Tatacara Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Sekolah yang sedang berkuatkuasa.

11.2 Semua dokumen bagi urusan terimaan dan bayaran Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia hendaklah dikemaskini dan disimpan dengan teratur bagi tujuan pemantauan dan pengauditan.

11.3 Sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan program ini, boleh diajukan kepada pegawai-pegawai Bahagian Kewangan, KPM seperti berikut:-

- i) Puan Wan Ummul Fathanah binti Wan Mohd Noor  
No.Telefon : 03-88847627  
Emel : [ummul.noor@moe.gov.my](mailto:ummul.noor@moe.gov.my)
- ii) Puan Zarina @ Hasnani binti Hanifah  
No. Telefon : 03-88847633  
Emel: [zarina.hanifah@moe.gov.my](mailto:zarina.hanifah@moe.gov.my)
- ii) Puan Poziah binti Mahmood  
No. Telefon : 03-88847089  
Emel: [poziah.mahmood@moe.gov.my](mailto:poziah.mahmood@moe.gov.my)

#### ALAMAT

Kementerian Pendidikan Malaysia  
Bahagian Kewangan,  
Aras 6 & 7, Blok E12,  
Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62604 PUTRAJAYA.**  
No. Faks: 03-88847611













**BORANG PENGESAHAN PENDAPATAN TAHUN .....**  
**(IBU/ BAPA/ PENJAGA)**  
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**



**KEMENTERIAN  
 PENDIDIKAN  
 MALAYSIA**

<b>BAHAGIAN 1 - Maklumat Bapa/ Penjaga</b>												
Nama :												
No. K/P:												
No. K/P Lama/ Tentera/ Polis:												
Pertalian dengan murid:												
Status Pekerjaan :                    (    ) Bekerja                    (    ) Tidak Bekerja												
Pendapatan Kasar Sebulan (RM):												
Pendapatan Bersih Sebulan (RM):												
No. Telefon Rumah/ Bimbit :												
<p>Dengan ini saya mengaku bahawa keterangan yang diberikan di atas adalah benar menurut Akta Akuan Berkanun 1960. Sekiranya saya didapati memberikan maklumat tidak benar atau palsu, saya boleh disabitkan kesalahan di bawah seksyen 193 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga (3) tahun dan boleh juga dikenakan denda.</p>												
Tandatangan/ Cap Ibu Jari:												
Nama :												
Tarikh:												
<b>BAHAGIAN 2 - Maklumat Ibu/ Pasangan Penjaga</b>												
Nama :												
No. K/P:												
No. K/P Lama/ Tentera/ Polis:												
Pertalian dengan murid:												
Status Pekerjaan :                    (    ) Bekerja                    (    ) Tidak Bekerja												
Pendapatan Kasar Sebulan (RM):												
Pendapatan Bersih Sebulan (RM):												
No. Telefon Rumah/ Bimbit :												
<p>Dengan ini saya mengaku bahawa keterangan yang diberikan di atas adalah benar menurut Akta Akuan Berkanun 1960. Sekiranya saya didapati memberikan maklumat tidak benar atau palsu, saya boleh disabitkan kesalahan di bawah seksyen 193 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga (3) tahun dan boleh juga dikenakan denda.</p>												
Tandatangan/ Cap Ibu Jari:												
Nama :												
Tarikh:												

**Panduan mengisi borang:**

1. Bahagian 1: perlu dilengkapi oleh Bapa atau Penjaga; dan
2. Bahagian 2: perlu dilengkapi oleh Ibu atau pasangan Penjaga (sekiranya ada).

**Catatan:**

- Sila lengkapkan dan hantar borang ke sekolah bersama-sama borang Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM)



